

18 OCT 2000

Polis-Video

SEJUMLAH 21,000 MESIN VIDEO DIRAMPAS

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Sebanyak 21,000 mesin permainan video telah dirampas sehingga Selasa, berbanding 17,000 pada masa yang sama tahun lepas, kata Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Mohd Jamil Johari, hari ini.

"Semua Ketua Polis Daerah dan Ketua Balai telah diarah mengikut arahan kerajaan mengenai pengharaman semua pusat permainan video," katanya.

Beliau memberitahu demikian selepas melancarkan Kejohanan Tarik Tali Dalam Dewan Terbuka Malaysia 2000, di Pusat Latihan Polis (Pulapol), di sini, bahawa pusat-pusat yang memiliki lesen pula diberi tempoh sehingga 31 Dis supaya menutup operasi mereka.

Khamis lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keputusan mengharamkan permainan video di seluruh negara kekal setelah segala aspek mengenainya dibincang oleh kerajaan.

Mengenai dakwaan Badan Pencegah Rasuah (BPR) ada segelintir anggota polis menjadi dalang menjual cip-cip mesin permainan video yang telah dirampas, Jamil berkata pihaknya menyerahkan perkara ini kepada BPR untuk menyiasat.

"Polis juga akan siasat dan tidak akan melindungi mereka jika didapati terlibat, " katanya.

Kejohanan tarik tali dalam dewan itu akan berlangsung selama dua hari, bermula Sabtu ini, di Pulapol.

Penyertaan masih terbuka. Setiap pasukan diwakili lapan peserta lelaki yang jumlah berat tidak melebihi 600kg. Yuran penyertaan adalah RM100.

Mereka yang berminat boleh mendapat keterangan lanjut daripada jawatankuasa penganjur di talian 03-22626348 atau 22626349.

-- BERNAMA

MEO AHH ZB